



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA**

Iklan Jawatan Kosong

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan **Jawatan Secara Sambilan Sepenuh Masa di UiTM Cawangan Melaka.**

1. JAWATAN : PENSYARAH SAMBILAN SEPENUH MASA

2. FAKULTI :

i. Akademi Pengajian Bahasa

- Bahasa Arab
- Bahasa Inggeris
- Bahasa Mandarin

ii. Fakulti Sains Komputer dan Matematik

- Kejuruteraan Sistem Maklumat
- Teknologi Maklumat
- Multimedia
- Matematik

iii. Akademi Pengajian Islam Kontemporari

- Pengajian Islam / Tamadun Islam

iv. Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

- Pengajian Asas Seni Visual
- Seni Reka Perindustrian

v. Fakulti Perakaunan

- Financial Accounting

3. SYARAT LANTIKAN

(a) Warganegara Malaysia.

(b) Syarat Kelayakan

- i. Mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf;

- ii. Calon-calun mestilah memiliki kelayakan CGPA 3.00 dan ke atas atau Kelas Kedua Tinggi di peringkat Sarjana Muda bagi semua bidang;
- iii. Memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Universiti;
- iv. Menguasai Bahasa Inggeris (lisan dan tulisan) dengan baik;
- v. Telah tamat pengajian sepenuhnya (sama ada di peringkat ijazah sarjana muda atau sarjana);
- vi. Calon yang sedang mengikuti program sarjana tidak boleh dipertimbangkan walaupun telah memiliki ijazah sarjana muda;
- vii. Mempunyai rekod peribadi yang baik. Calon yang pernah dibuang kerja atas sebab tatatertib tidak boleh dipertimbangkan;
- viii. Mempunyai pengalaman mengajar merupakan satu kelebihan.

4. CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- (a) Borang Perjawatan UiTM Caw. Melaka boleh dimuat turun di laman web UiTM Cawangan Melaka <https://melaka.uitm.edu.my/index.php/en/campuses>
- (b) Tarikh tutup permohonan ialah pada **18 September 2021 (Sabtu)**.
- (c) Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut :
 - Kad Pengenalan
 - Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, PhD (Skrol & Transkrip Akademik Terperinci)
 - Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
- (d) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- (e) Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Melaka
- (f) Sila kemukakan Borang Permohonan & Dokumen yang berkenaan kepada :

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
UiTM CAWANGAN MELAKA
KAMPUS ALOR GAJAH
KM 26, JALAN LENDU
78000 ALOR GAJAH
MELAKA**

NO TEL : 06-558 2438 (WhatsApp Business)

TAMAT